



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MAJLIS PELANCARAN HARI KANSER SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023

3 FEBRUARI 2023

YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan telah menyempurnakan Majlis Pelancaran Hari Kanser Sedunia Peringkat Kebangsaan 2023 di Institut Kanser Negara (IKN), Putrajaya hari ini.

Hari Kanser Sedunia disambut pada 4 Februari di mana pada tahun ini merupakan tahun kedua bagi tema “***Close the Care Gap***”. Pada tahun ini, ianya diraikan dengan tema yang telah diadaptasi iaitu “**Rapatkan Jurang Penjagaan Kanser**”.

Tema Hari Kanser Sedunia tahun ini mengajak semua lapisan masyarakat untuk bersama-sama memainkan peranan dalam mendidik diri kita dan masyarakat mengenai pencegahan kanser. Di samping itu, sambutan ini bertujuan menyedarkan kepentingan keadilan sosial (*equity*) bagi semua lapisan masyarakat untuk mencapai tahap kesihatan yang maksimum tanpa halangan atau batasan. Halangan dari segi taraf sosioekonomi tidak harus menjadi penyebab untuk mendapatkan rawatan di negara ini.

Kanser merupakan suatu penyakit kronik yang kian meningkat. Kanser merupakan salah satu penyebab kematian yang utama dan laporan dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan bahawa kanser menyumbang kepada 10 juta kematian pada tahun 2020. Ini merupakan peningkatan sebanyak 42.9% dalam tempoh 2 dekad.

Di Malaysia, kematian akibat kanser merupakan sebab utama kematian di hospital-hospital swasta iaitu 34.95% dan sebab kematian keempat di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) iaitu 11.56%. Jabatan Perangkaan Malaysia juga melaporkan, pada tahun 2021, kanser merupakan sebab kematian keempat tertinggi di Malaysia.

Menurut laporan Registri Kanser Kebangsaan Malaysia 2012-2016 yang diterbitkan oleh IKN, tiga jenis kanser yang paling kerap didiagnosis di Malaysia dalam kalangan lelaki adalah kanser kolorektal atau usus besar (16.9%), kanser paru-paru (14.8%) dan kanser prostat (8.1%). Dalam kalangan wanita pula adalah kanser payudara (33.9%) diikuti dengan kanser kolorektal (10.7%) dan kanser serviks (6.2%). Sebanyak 63.7% dari keseluruhan kanser dikesan pada tahap lewat (tahap III dan IV).

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
3 FEBRUARI 2023